

'Jangan politik BR1M'

Bantuan adalah pemberian ikhlas kerajaan tolong rakyat miskin

INFO

● Lebih 7 juta penerima

● Bukan rasuah

SITI NURSYAHIDAH ABU BAKAR

PUTRAJAYA - Ketua Setiausaha Perbendaharaan, Tan Sri Dr Mohd Irwan Serigar Abdullah menegaskan agar pemberian Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) tidak dipolitikkan oleh mana-mana pihak.

Beliau berkata, ini kerana BR1M merupakan inisiatif kerajaan yang telah memberi manfaat kepada lebih tujuh juta rakyat di negara ini.

"Saya nak tegaskan, jangan politikkan BR1M untuk benda lain. Lebih tujuh juta orang (yang dapat manfaat BR1M) daripada populasi 30 juta rakyat, ini satu jumlah yang besar.

"Jika tarik balik BR1M akan menafikan hak orang miskin dari segi kos sara hidup mereka. Dari satu sudut kamu kritik kenaikan kos hidup, dalam masa sama kri-



FOTO: BERNAMA

Mohd Irwan Serigar ketika wawancara khas media berkaitan BR1M di Kementerian Kewangan, semalam.

tik BR1M.

"Saya tak tahu apa yang mereka mahu. Semuanya yang kami buat salah tapi sebenarnya ia memberi manfaat kepada negara," katanya dalam sidang media di sini, semalam.

Mohd Irwan berkata, BR1M juga bukan rasuah seperti dinyatakan oleh beberapa pemimpin pembangkang.

"BR1M adalah pemberian ikhlas kerajaan untuk menolong rakyat yang

berpendapatan rendah dan golongan memerlukan.

"Ia bukan bertujuan menjadikan penerimanya bergantung kepada kerajaan, tetapi lebih kepada membantu mereka memenuhi keperluan asas," katanya.

Menurut beliau, bantuan seumpama BR1M seperti bantuan wang tunai dan food stamp turut dilaksanakan di negara-negara lain.

"Amerika Syarikat telah berpuluh-puluh tahun melaksanakan pemberian food

stamp kepada rakyat mereka. Program pemberian bantuan berbentuk wang tunai juga diberi di negara seperti Australia, Brazil, Bulgaria, Hungary, Indonesia dan banyak lagi dengan pelbagai nama.

"Adakah semua negara ini boleh dikatakan memberi rasuah kepada rakyat mereka?," katanya.

Katanya lagi, kerajaan kini sedang mengkaji kaedah pemberian BR1M kepada rakyat secara lebih efektif dan efisien.

"Dalam Bajet 2017, BR1M boleh digunakan untuk membeli kereta Proton di mana rundingan masih dilakukan dan Proton akan memberi diskaun. Kereta itu pula boleh digunakan untuk menjadi pemandu Uber.

"Sekarang pemandu Uber secara sambilan boleh menjana pendapatan sehingga RM4,000 ke RM7,000. Dengan ini kerajaan menggalakkan rakyat miskin keluar daripada kategori B40 kepada M40," katanya.